

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Kelayakan anggota/waris anggota untuk menerima bantuan kematian ini:

- (a) Setiap anggota perseorangan telah menjelaskan modal syer minimum maka keluarga anggota (isteri/suami/anak yang **masih dalam tanggungan** berumur di bawah 23 tahun) layak menerima bantuan khairat kematian yang disediakan oleh KPF.
- (b) Sekiranya kedua-dua suami atau isteri ialah anggota KPF hanya seorang sahaja yang layak membuat tuntutan bantuan urusan pengkebumian anak mereka.
- (c) Kadar bantuan yang diberikan sekiranya berlaku kematian ialah:
 - (i) Kematian anggota :RM1,000.00
 - (ii) Kematian Isteri/suami :RM 500.00
 - (iii) Kematian anak :RM 250.00
- (d) Bayaran akan dijelaskan dengan cek kepada waris terdekat seperti berikut:
 - (i) Jika bujang - kepada ibu atau bapa ;
 - (ii) Jika berkahwin - kepada isteri atau suami ;
 - (iii) Jika duda - kepada salah seorang anak yang telah berumur 18 tahun ke atas atau jika tiada mempunyai anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota yang berkaitan;
 - (iv) Jika balu - kepada salah seorang anak yang telah berusia 18 tahun ke atas. Jika tiada anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan.
 - (v) Jika seseorang anggota itu tiada mempunyai keluarga seperti yang tersebut di atas, maka bantuan khairat kematian tersebut akan diberikan kepada sesiapa yang difikirkan layak menerimanya yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan.
- (e) Untuk membuat tuntutan pembayaran khairat kematian, keluarga anggota hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut :
 - (i) Dua (2) salinan:
 - Kad Pengenalan simati;
 - Sijil kematian;
 - Permit pengkuburan (yang disahkan oleh Ketua Polis Daerah atau Pegawai Perubatan atau Pengurus Rancangan atau Majikan yang mana berkenaan);
 - Laporan polis jika sabit kematian akibat kemalangan atau seumpamanya.
 - (ii) Dua (2) salinan kad pengenalan waris yang dikenalpasti layak menerima/pemohon;
 - (iii) Alamat terkini waris berkenaan untuk urusan penghantaran cek.
- (f) Tuntutan pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh **3 bulan** dari tarikh kematian.